

Novel bahan bacaan popular remaja

Oleh

DR. AMINUDIN MANSOR



NOVEL adalah *genre* yang paling digemari dalam kalangan remaja. Kini banyak novel baharu di pasaran yang mendapat sambutan pembaca terutama golongan remaja. Dengan gaya bahasa dan jalan cerita yang menarik genre novel mampu menumbuhkan minat membaca dalam kalangan generasi muda.

Jika dahulu kesedaran kebangsaan dapat ditimbulkan melalui karya-karya sastera seperti novel yang bertemakan semangat perjuangan bangsa, nasib bangsa dan semangat cinta akan tanah air. Kini melalui

pembacaan novel baharu menjadi pilihan pembaca terutama remaja dalam memahami rencah kehidupan masa kini.

Kajian menunjukkan novel menjadi antara pilihan bahan bacaan utama rakyat Malaysia terutama generasi muda. Menurut statistik Perpustakaan Negara Malaysia, pada tahun lepas subjek yang paling mendapat perhatian pembaca di perpustakaan ialah novel/fiksyen yang mendominasi peratus pinjaman tertinggi dengan 57.6 peratus atau 775,554 naskhah setahun.

Pakar psikologi Universiti Putra Malaysia, Dr Siti Irma Fadhilah Ismail berkata, rata-rata golongan muda di negara ini menjadikan novel sebagai bahan bacaan utama.

Ini, katanya, kerana isi kandungan novel

yang santai, ditambah pula dengan pendekatan baharu berkoncep Fixi, iaitu karya baharu yang bersifat urban dan masa kini, serta tidak membebankan fikiran, membuatkan mereka memilih untuk membacanya.

Siti Irma Fadhilah menegaskan, otak memerlukan kepelbagaiannya bagi menyelesaikan masalah dan dengan membaca novel, individu dapat berfikir di luar daripada kebiasaan untuk membuat keputusan dan penyelesaian masalah.

Keupayaan membuat keputusan dan menyelesaikan masalah berada di tahap yang tinggi pada pembaca novel.

Menurut pengkaji dan pengkritik novel remaja Prof Madya Dr Misran Rokimin, novel remaja yang baik adalah sebuah karya yang

banyak memberikan pengetahuan selain gagasan berasas untuk dinikmati oleh pembaca. Wadah pendidikan dan pembangunan modal insan melalui novel juga boleh dilakukan oleh penulis yang bijak mengadun tema dan persoalan semasa.

* Apa yang penting penulis novel juga mempunyai tanggungjawab yang penting dan besar dalam masyarakat. Melalui penulisan novel yang bertemakan kasih sayang dan cinta sewajarnya memasukkan nilai-nilai keagamaan, budaya dan sosial masyarakat yang dapat dijadikan pengajaran dalam kehidupan. Konflik antara watak, peristiwa yang memberikan teladan, pengorbanan yang dilakukan oleh watak-watak dalam sebuah novel menarik perhatian pembaca.